



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : TAKAFUL**  
**KOD KURSUS : DPI2113**  
**PEPERIKSAAN : APRIL 2019**  
**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:  
BAHAGIAN A (10 Markah)  
BAHAGIAN B (50 Markah)  
BAHAGIAN C (40 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Buku Jawapan
  - iii. Kertas Jawapan Objektif


---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 7 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH(10)** soalan.

Jawab **SEMUA** dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Apakah kontrak yang terlibat jika syarikat insurans bersetuju untuk memberikan sejumlah wang sebagai balasan apabila berlaku peristiwa tertentu dalam tempoh tertentu?
  - A Perlindungan
  - B Idemniti
  - C Insurans
  - D Jaminan
  
2. Manakah di antara berikut adalah pendekatan pengurusan risiko yang efektif?
  - i. Pengelakan risiko
  - ii. Pemindahan risiko
  - iii. Pengekalan risiko
  - iv. Tidak menghiraukan risiko
  - A i dan ii
  - B i dan iii
  - C i, ii dan iii
  - D ii dan iii
  
3. Manakah di antara yang berikut merujuk kepada kebarangkalian terjadi kerugian ataupun tiada sebarang kerugian.
  - A Risiko tulen
  - B Risiko spekulatif
  - C Risiko fundamental
  - D Risiko peribadi

4. Manakah antara berikut merupakan tujuan utama insurans?
- Memberi perlindungan kewangan daripada kerugian.
  - Memberi kebebasan kewangan kepada masyarakat.
  - Merangsang ekonomi masyarakat.
  - Memaksimumkan pulangan pemegang saham syarikat.
- A i, ii dan iii  
B i, ii dan iv  
C ii, iii dan iv  
D Semua di atas
5. Siapakah dua pihak yang terlibat dalam kontrak insurans ?
- A Insurer dan takaful operator ( penanggung insurans dan pengendali takaful).
- B Pihak yang diinsuranskan dan peserta.
- C Penanggung insurans dan pemegang saham.
- D Penanggung insurans dan pihak yang diinsuranskan.
6. Antara berikut, kontrak manakah yang digunakan oleh pengendali takaful di Malaysia?
- Wakalah*
  - Mudharabah*
  - Musyarakah*
  - Waqf*
- A ii sahaja
- B i dan ii
- C ii dan iii
- D Semua di atas
7. Manakah antara berikut merupakan kelebihan takaful ?
- A Bantuan kewangan kepada yang kurang bernasib baik.
- B Tanggungjawab sosial.
- C Konsep Tabarru'.
- D Manfaat hanya kepada orang Islam.

8. Apakah maksud konsep Tabarru' dalam takaful ?
- A Suatu kontrak di mana peserta bersetuju untuk memberi sumbangan yang akan digunakan untuk membantu peserta di antara satu sama lain.
  - B Suatu kontrak di mana peserta bersetuju mencarum dan akan dilaburkan dalam instrumen patuh Syariah serta memberi pulangan yang tinggi kepada peserta.
  - C Suatu kontrak di mana peserta, ejen dan pengendali takaful bersetuju untuk bekerjasama untuk membantu antara satu sama lain.
  - D Suatu kontrak di mana peserta bersetuju untuk menanggung kerugian atau keuntungan pelaburan saham pada kadar yang telah dipersetujui.
9. Yang manakah antara berikut **bukan** manfaat takaful?
- A Ia membolehkan seseorang individu meraih keuntungan dari tuntutan takaful.
  - B Ia memenuhi tanggungjawab sosial terhadap keluarga dan masyarakat.
  - C Ia menghulurkan bantuan kewangan kepada mereka yang kurang bernasib baik.
  - D Menjauhi elemen-elemen yang dilarang dalam Shariah.
10. Manakah di antara pernyataan berikut adalah tanggungjawab Majlis Pengawasan Shariah ( MPS) ?
- i. Mengemukakan laporan tahunan dan sijil perakauan pematuhan syarikat terhadap keperluan syariah.
  - ii. Mengaudit dan menyelia aplikasi sebenar amalan operasi kontrak agar ia selaras dengan semangat dan objektif fatwa.
  - iii. Memberi maklum balas terhadap pertanyaan atau kemusykilan syarikat berkaitan isu-isu perundangan Islam dalam takaful.
  - iv. Menentukan pembayaran yang bersesuaian kepada setiap ahli di dalam Majlis Penasihat Shariah.
- A i, ii dan iii
  - B i, iii dan iv
  - C ii, ii dan iv
  - D Semua di atas

[10 MARKAH]

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **ENAM (6)** soalan, jawab **LIMA (5)** soalan sahaja.

Jawab dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

a. Huraikan **dua (2)** kategori utama insuran.

(4 markah)

b. Jelaskan **tiga (3)** peranan insuran dalam ekonomi.

(6 markah)

**SOALAN 2**

Huraikan **lima (5)** kaedah menangani risiko.

(10 markah)

**SOALAN 3**

Huraikan **lima (5)** prinsip asas yang terkandung dalam pembentukan kontrak takaful.

(10 markah)

**SOALAN 4**

Jelaskan **lima (5)** perbezaan takaful dan insuran.

(10 markah)

**SOALAN 5**

Huraikan **lima (5)** manfaat takaful berbanding insuran.

(10 markah)

**SOALAN 6**

Mudharabah merupakan satu kontrak perkongsian keuntungan di antara peserta (sahib al-mal) dan pengendali takaful (mudharib) yang menjalankan perniagaan. Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan **lima (5)** elemen yang wujud untuk menjadikan kontrak yang sah.

(10 markah)

**[30 MARKAH]**

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **DUA(2)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Berikan definisi takaful.  
(2 markah)
- b. Jelaskan **tiga (3)** syarat bagi memenuhi prinsip kepentingan boleh lindung.  
(6 markah)
- c. Huraikan **enam (6)** ciri kontrak insuran.  
(12 markah)

**SOALAN 2**

- a. Jelaskan **lima (5)** objektif penyeliaan terhadap industri takaful di Malaysia.  
(10 markah)
- b. Ahmad bekerja di Kuala Lumpur. Dia menyewa rumah berhampiran dengan kilang tempatnya bekerja. Abang Ahmad turut tinggal di rumah yang sama tetapi abangnya bekerja di sebuah syarikat pengangkutan di Shah Alam. Berdasarkan situasi di atas, bolehkah Ahmad menginsuranskan rumah sewa dan nyawa abangnya. Berikan hujah anda.  
(5 markah)
- c. Huraikan perbezaan di antara risiko asas dan risiko khusus beserta contoh.  
(5 markah)

[40 MARKAH]

**KERTAS SOALAN TAMAT**



